

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 4 OKTOBER 2015 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Bomba Malaysia sedia bantu Indonesia padam kebakaran hutan tangani jerebu	BERNAMA
2.	More hazy days next week	New Sunday Times
3.	Mt Kinabalu guides honoured for heroic acts during Sabah quake	Sunday Star
4.	Flights disrupted due to poor visibility	Sunday Star
5.	Sporting events called off	Sunday Star
6.	Jerebu reda jika taufan mujigae melanda Kepulauan Hainan	Mingguan Malaysia
7.	LTSAH beroperasi semula, selepas ditutup lebih tiga jam akibat jerebu	BERNAMA
8.	Ketampakan kurang 3 km di perairan Malaysia sehingga esok	BERNAMA
9.	Pantau tahap kesihatan semasa musim El Nino, Jerebu	BERNAMA
10.	JPAM Terengganu latih 3,000 anggota bagi hadapi banjir	BERNAMA
11.	JPBM Kelantan siap sedia hadapi banjir tahun ini – Azmi	BERNAMA
12.	Aktiviti suka, penerbangan terjejas	Berita Harian
13.	Sasar lahir 72 saintis kimia bagi 10,000 tenaga kerja	Metro Ahad
14.	Malaysia ambil pendekatan berbeza	Metro Ahad
15.	Ketampakan kurang 5km di sembilan negeri	Metro Ahad

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 04 OKTOBER 2015 (AHAD)



Bomba Malaysia Sedia Bantu Indonesia Padam Kebakaran Hutan Tangani Jerebu

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sedia membantu Indonesia memadam kebakaran di hutan republik itu yang menjadi punca utama jerebu rentas sempadan yang melanda negara ketika ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Wan Mohd Noor Ibrahim berkata pihaknya sedia menghulurkan bantuan sekiranya pihak berkuasa negara itu memerlukan bantuan negara luar termasuk Malaysia bagi menangani masalah jerebu yang kini kian meruncing.

"Kami memang bersedia untuk membantu tetapi ini bergantung kepada keputusan kerajaan Malaysia sama ada mahu menghantar pihak bomba menyertai misi memadam kebakaran di Indonesia," katanya ketika dihubungi Bernama di sini, hari ini.

Wan Mohd Noor berkata pihak bomba mempunyai aset yang lengkap dan kemahiran untuk menggalas misi memadam kebakaran di hutan di Sumatera dan Kalimantan itu.

"Kebakaran hutan ini berbeza dengan kebakaran biasa kerana kawasan hutan yang sangat luas dan sangat mencabar selain menuntut pihak berkuasa menggunakan khidmat anggota yang ramai serta segala aset yang ada bagi memadam kebakaran."

Setakat pukul 9 pagi ini, kualiti udara di kebanyakan kawasan seluruh negara semakin merosot dengan beberapa kawasan di Lembah Klang mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat dan satu kawasan merekodkan bacaan IPU bahaya 308 iaitu Shah Alam.

Semalam, **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Madius Tangau** dalam satu kenyataan berkata jerebu teruk yang melanda negara sejak pertengahan bulan lepas bakal berkurangan untuk tempoh singkat iaitu dari 6 Okt sehingga 9 Okt ini.

Namun, beliau berkata jerebu bakal melanda kembali bermula 10 Okt ini berikutan satu lagi ribut tropika diramalkan terbentuk di timur Filipina, jika kebakaran di Sumatera dan Kalimantan masih belum dipadamkan.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
NEW SUNDAY TIMES (NEWS) : MUKA SURAT 06
TARIKH: 04 OKTOBER 2015 (AHAD)

More hazy days next week

KUALA LUMPUR: Malaysians will have to brace themselves for prolonged hazy days as volatile changes in wind directions threaten to bring back the smog from Indonesia.

Although they could expect a brief reprieve from the "unhealthy" Air Pollution Index reading between next Tuesday and Friday, the haze would likely make a comeback from Oct 10.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau said this would be caused by a tropical storm expected to occur in eastern Philippines that would carry smog from the fires in Sumatra and Kalimantan.

He said the worsening haze for the past few days was caused by winds blowing from the south and southwest.

"The country will experience normal wind and weather between the monsoon season with weak wind and wetter weather, especially in the west coast.

"However, the country is at risk of transboundary haze if the wind blow from south and southwest.

"We are fortunate that winds from the direction of the forest fires of Mount Lokon in the North Sulawesi Province, Indonesia, are not blowing our way and its position is far from us."

KERATAN AKHBAR
SUNDAY STAR (NATION) : MUKA SURAT 12
TARIKH: 04 OKTOBER 2015 (AHAD)

Mt Kinabalu guides honoured for heroic acts during Sabah quake

KOTA KINABALU: Four mountain guides killed in the June 5 Mount Kinabalu earthquake were honoured along with over 100 other hero guides by Sabah Yang di-Pertua Negeri Tun Juhar Mahiruddin in conjunction with his 62nd birthday celebrations.

Vallerian Joannes, Robbie Sapingga, Ricky Masirin and Joseph Salungin, who died while helping to save climbers, were posthumously awarded the Bintang Setia Kinabalu.

The BSK was also bestowed upon

157 mountain guides as well as staff of Sabah Parks, Sutera Sanctuary Lodges and Mountain Torq, who worked to rescue 160 people trapped on the mountain following the disaster that killed 18 people.

Mount Kinabalu Guides Association chairman Richard Soibi said they never expected to get the award and he himself was unaware of it until he saw the honours' list yesterday.

"We are surprised but thankful that the Government recognised

our role in the earthquake. We are truly humbled by it," he said.

Those awarded, he said, included Fredyrick Alim, Hairi Rainin, Moidin Sompot and Obyzander Sabran, who risked their lives at the height of the rock falls in the summit area in the immediate aftermath of the quake.

A total of 25 guides were stranded and another 89 were involved in the rescue efforts.

The guides were expected to receive their awards from Juhar

during a special ceremony at a later date.

Chief Justice Tun Arifin Zakaria is among four recipients of the Seri Panglima Darjah Kinabalu (SPDK), the highest state award, which carries the title "Datuk Seri Panglima".

The others are Sabah Deputy Chief Minister Datuk Raymond Tan Shu Kiah, Science, Technology and Innovation Minister Datuk Wilfred Madius Tangau and Pantai Manis assemblyman Datuk Abdul Rahim Ismail.

Sabah Infrastructure Development Assistant Minister Datuk Ghulam Haidar Khan Bahadar is among 48 recipients of the state's second highest award, the Panglima Gemilang Darjah Kinabalu (PGDK), which carries the title "Datuk".

Mercy Malaysia's Dr Heng Aik Cheng also received the PGDK.

Communications and Multimedia Minister Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak is among 11 people to receive the Justice of Peace (JP).

Flights disrupted due to poor visibility

PETALING JAYA: Deteriorating air quality disrupted flights at two major airports in peninsular Malaysia and MetMalaysia is warning that the haze could last longer than first expected.

Six AirAsia flights to and from KLIA2 and eight to and from Penang International Airport were disrupted as of 5pm.

"This is due to visibility below the minimum level caused by the haze. Affected passengers were notified and attended to accordingly at the airport," said AirAsia Berhad in a statement.

The airline added that it would continue to monitor the situation closely and keep its guests informed.

A spokesman for Malaysia Airport Holding Berhad said visibility at KLIA had dropped to 0.7km from 2km the previous day.

But he said no flight had to be cancelled at any airports as a result of the haze.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Madius Tangau said

MetMalaysia initially predicted the haze to ease by the start of this month.

But the formation of a tropical storm in the Philippines had resulted in consistent southwest winds bringing the transboundary haze back over Malaysia, he said.

"The tropical storm known as the Mujigae, formed on Oct 1, had resulted in the southwest winds," he said in a statement.

He said Malaysia should get a short respite between Oct 6 and Oct 9 following a change in wind direction.

The haze is predicted to make a comeback if fires in Sumatra and Kalimantan are not extinguished on Oct 10 on the heels of another tropical storm in the eastern Philippines.

A total of 23 areas reported unhealthy Air Pollutant Index (API) readings as of 5pm compared with only 13 areas at noon.

Areas recording the highest API readings were Seremban (170), Nilai (169), Shah Alam (166), Port Klang (159) and Petaling Jaya (153). The Health Ministry has also made necessary

preparations to face the possible increase in cases of illnesses.

Its deputy minister Datuk Seri Dr Hilm Yahya said there was enough medicine and face masks to meet the situation.

In George Town, many Penangites cancelled their outdoor activity as the haze worsened and hit the unhealthy level.

The Seberang Prai Municipal Council issued a notice, saying that its Car-Free Morning event today in Jalan Todak 2 and Jalan Todak 3 in Seberang Jaya had been cancelled due to the unhealthy air quality.

The air quality in Penang deteriorated as the day progressed yesterday, with the DOE monitoring station at Universiti Sains Malaysia registering API readings of 71 at 6am, 81 at 11am and 99 at 2pm before breaching the unhealthy level at 4pm with a reading of 109.

However, Penang International Airport senior manager Mohd Ariff Jaafar said there were no flight cancellation as yet.

Sporting events called off

Worsening haze leads to cancellation of games, low visibility warnings

PETALING JAYA: The worsening haze situation in the Klang Valley and several parts of the country has led to the cancellation of several sporting events as well as warnings about plunge in visibility.

Four Malaysia Cup matches last night were called off while the Standard Chartered KL Marathon scheduled for today was also cancelled.

The called off matches are – Group A's Johor Darul Ta'zim II vs Terengganu (Pasir Gudang Stadium), Group B's Armed Forces vs Sarawak (Tuanku Abdul Rahman Stadium, Paroi), Group D's Police vs Pahang (Shah Alam Stadium) and PKNS FC vs Penang (Selayang Stadium).

The Football Association of Malaysia (FAM) competitions committee came to the decision based on the request by the match commissioners after the Air Pollution Index (API) soared above the 150 level.

However, the Group C match between T-Team and Felda United at the Sultan Ismail Stadium in Kuala Terengganu will continue

as scheduled.

Organisers of the Standard Chartered KL Marathon said in a press statement yesterday that the health and safety of runners remained their top priority.

"Since our last announcement, the haze has unfortunately reached unhealthy levels according to the latest monitored alert."

The statement said the decision to call off the event was made on the advice of the medical team, the Malaysian Athletics Federation and the Institut Sukan Negara.

"It had the support of co-organisers City Hall and sponsor Standard Chartered Bank Malaysia.

"We appreciate the support shown by our runners throughout this challenging weather situation," the organisers said.

They advised registered participants to directly proceed to Dataran Merdeka to collect their race entitlements from 6am until noon today.

"To those who are unable to collect their entitlements during that time, an alternative

arrangement will be announced through the Standard Chartered KL Marathon social media channels on Facebook and Twitter," the statement added.

However, it said that route closures and support infrastructure would remain in place along Jalan Raja Laut, Jalan Sultan Ismail, Jalan Raja Chulan, Jalan P. Ramlee, Jalan Ampang, Jalan Kuching, Jalan Parlimen, Jalan Cenderawasih, Jalan Lembah and Jalan Sultan Hishamuddin from 6am until 9am today.

On Friday, organisers stated that the marathon would go ahead as weather conditions had improved and API readings were at moderate level.

The Meteorological Department issued a warning on haze-induced low visibility of less than 5km over the waters off nine states – Kedah, Penang, Perak, Selangor, Negri Sembilan, Malacca, Johor, Pahang and Sarawak – yesterday.

"The condition is risky to sea vessels without navigational equipment," it said.

KERATAN AKHBAR
MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 11
TARIKH: 04 OKTOBER 2015 (AHAD)

Jerebu reda jika taufan mujigae melanda Kepulauan Hainan

KUALA LUMPUR 3 Okt. - Keadaan jerebu di negara ini dijangka reda apabila taufan mujigae melanda Kepulauan Hainan, China pada awal pagi Isnin ini.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, ribut tropika tersebut dijangka akan mempengaruhi arah tiupan angin di tiga kawasan serantau di negara ini untuk beberapa hari.

"Selepas ribut mujigae membadi kawasan daratan (Hainan), tiupan angin barat daya yang mempengaruhi kawasan rantau ini akan menjadi lemah apabila arah tiupan angin dijangka berubah kepada pelbagai hala sehingga menyebabkan cuaca akan kembali lembap dengan hujan dijangka berlaku di negeri pantai barat semenanjung serta bahagian pantai barat Sabah dan Sarawak.

"Bagaimanapun, taburan hujan yang diterima dalam tempoh tersebut tidak boleh menghilangkan keadaan berjerebu yang di-

alami sekarang sekiranya punca kebakaran terbuka yang berlaku di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia tidak dipadamkan sepenuhnya," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Sementara itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Madius Tangau pula berkata, keadaan jerebu dijangka berkurangan untuk tempoh 6 hingga 9 Oktober sahaja berikutan perubahan arah tiupan angin.

Bagaimanapun, kanya, mulai dari 10 Oktober, negara dijangka mengalami jerebu semula berikutan satu lagi ribut tropika diramalkan terbentuk di Timur Filipina dan jika kebarkan di Sumatera dan Kalimantan masih belum dipadamkan.

"Walaupun Jabatan Meteorologi menjangkakan jerebu teruk akan berakhir pada awal bulan ini tetapi disebabkan terbentuknya ribut tropika di perairan Filipina menyebabkan tiupan angin dari arah barat daya kembali konsisten

dan menyebabkan jerebu kembali melanda negara," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Datuk Che Gayah Ismail ketika dihubungi *Utusan Malaysia* berkata, pihaknya menjangkakan keadaan berjerebu akan beransur pulih selepas taufan tersebut berlaku pada Isnin ini.

Beliau berkata, pada masa sekarang arah tiupan angin barat daya menyebabkan angin dari kawasan Sumatera dan Kalimantan bergerak menuju ke negara ini sehingga mengakibatkan keadaan berjerebu.

"Kita menjangkakan selepas ribut itu, tiada lagi jerebu-jerebu baru akan masuk ke kawasan negara ini kerana arah tiupan angin akan kembali seperti biasa iaitu dalam arah pelbagai hala," katanya.

Beliau menambah, pihaknya akan menjalankan proses pembenihan awan seperti biasa jika keadaan jerebu masih berada pada paras yang tidak sihat.

"Kita akan memantau keadaan dari semasa ke semasa dan semalam juga kita sudah menjalankan proses pembenihan awan di beberapa kawasan," jelasnya.



WAN JUNAIDI

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 04 OKTOBER 2015 (AHAD)



LTSIH Beroperasi Semula, Selepas Ditutup Lebih Tiga Jam Akibat Jerebu

ALOR SETAR, 4 Okt (Bernama) -- Keadaan jerebu tebal yang membataskan ketampakan di Alor Setar mengakibatkan landasan di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim (LTSIH) di sini ditutup lebih tiga jam bermula 7.20 pagi tadi.

Pengurus LTSIH Puteh Ramli berkata, penutupan landasan di LTSIH mengakibatkan penangguhan beberapa penerbangan dalam negeri oleh syarikat penerbangan.

"Bagaimanapun operasi di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim kini, berjalan seperti biasa. Kami bekerjasama dengan Jabatan Penerbangan Awam (DCA), Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) dan [**Jabatan Meteorologi Malaysia**](#) bagi memantau keadaan jerebu," katanya kepada Bernama ketika dihubungi Ahad.

Beliau berkata penutupan landasan LTSIH sehingga 10.40 pagi itu, telah mengakibatkan tiga atau empat penerbangan dalam negeri terpaksa ditangguhkan sehingga ia dapat beroperasi seperti biasa.

Sehubungan itu, beliau meminta penumpang agar sentiasa berhubung dengan syarikat penerbangan untuk mengemas kini jadual penerbangan mereka.

Jurucakap Malindo Air di LTSIH ketika dihubungi berkata, empat penerbangan Alor Setar ke Subang mengalami sedikit kelewatan akibat penutupan landasan LTSIH berkenaan.

Sementara itu, Ketua Operasi Jeti Kuala Kedah Abdul Manaf Zainol berkata operasi feri dari Jeti Kuala Kedah ke Langkawi berjalan seperti biasa tanpa sebarang gangguan.

Perjalanan pertama feri ke pulau peranginan pada 7.15 pagi tadi berjalan dengan lancar.

"Sehingga 10 pagi tadi, empat daripada 10 perjalanan telah dilakukan dan feri terakhir adalah pada 7 malam. Semua feri dilengkapi dengan sistem navigasi bagi memudahkan perjalanan feri dengan selamat," katanya.

Operasi feri akan hanya ditangguhkan sekiranya mendapat arahan dari Jabatan Laut Malaysia, katanya.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 04 OKTOBER 2015 (AHAD)



Ketampakan Kurang 3 Km Di Perairan Malaysia Sehingga Esok

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Ketampakan rendah kurang daripada tiga kilometer di sekitar perairan Selat Melaka, Tioman, Bunguran, Kuching dan Reef South dijangka berterusan sehingga esok.

Keadaan ini adalah berbahaya kepada kapal-kapal yang tidak mempunyai sistem navigasi pelayaran, menurut **Jabatan Meteorologi** dalam kenyataan di sini hari ini.

Kawasan lain yang turut menghadapi masalah ketampakan rendah kurang daripada tiga kilometer sekitar perairan Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, dan Sarawak.

-- BERNAMA



Pantau Tahap Kesihatan Semasa Musim El Nino, Jerebu



Gambar Hiasan

Oleh Maizatul Sabirah Magis@Aziz

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Orang ramai hendaklah sentiasa memantau tahap kesihatan mereka berikutan jerebu rentas sempadan dari Sumatera dan Kalimantan, Indonesia yang melanda negara pada masa ini, yang dijangka bertambah buruk akibat cuaca kering ekoran fenomena El Nino.

Pengarah Kanan Institut Penyelidikan Kelestarian Persekutuan Prof Dr Abdull Rahim Mohd Yusoff berkata walaupun fenomena El Nino berada di peringkat sederhana, ia diramal berlanjutan sehingga Mac depan dan boleh memberi kesan kepada kesihatan manusia.

"Fenomena El Nino menyebabkan cuaca kering tidak dapat memulihkan situasi jerebu yang wujud ekoran terhadnya penurunan hujan. Ini menyumbang kepada pelbagai masalah kesihatan berkaitan udara yang tercemar dan mudah masuk ke dalam saluran pernafasan kita," katanya kepada Bernama.

Abdull Rahim berkata perubahan iklim sekeliling memberi kesan pada keseimbangan alam, menimbulkan gangguan ekosistem dan menjaskan pengeluaran makanan dan boleh mengakibatkan gejala penyakit seperti demam dengan.

El Nino adalah fenomena pemanasan suhu permukaan laut yang berlaku dalam tempoh enam bulan berturut-turut setiap dua hingga empat tahun di timur Lautan Pasifik, menyebabkan rantaian perubahan iklim berlaku di seluruh dunia dan antara kesannya ialah hujan lebat di sesetengah kawasan sementara di kawasan lain, berlaku kemarau berpanjangan.

Abdull Rahim berkata situasi jerebu diramal berterusan sehingga Disember berikutan pengaruh fenonema El Nino iaitu cuaca kering dan tiada hujan di kawasan punca kebakaran di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia, menyukarkan proses pemulihan.

Beliau berkata buat masa ini tiada hujan turun di negara jiran terutamanya di tempat titik panas dan kawasan kebakaran.

"Walaupun hujan turun dan kita melakukan pemberian awan di sini, asap jerebu masih ada kerana angin menolaknya ke sini," katanya.

Sementara itu, **Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) Datuk Che Gayah Ismail** berkata keadaan jerebu memang diramalkan semakin pulih kerana taufan Dujuan yang telah lenyap di China Selasa lalu, namun perubahan angin di Sumatera dan Kalimantan yang sepatutnya ke Indonesia telah berpatah balik menyebabkan Malaysia terus mendapat jerebu.

Bagaimanapun, katanya pihaknya menjangkakan keadaan itu mungkin sedikit baik apabila terdapat angin monsun dari arah timur laut yang dapat membuatkan cuaca menjadi lebih baik sekali gus membantu mengurangkan asap jerebu.

Che Gayah berkata monsun timur laut dijangka bermula pada minggu pertama atau kedua November dan akan berakhir pada minggu kedua Mac 2016.

Pada tempoh itu sebanyak empat atau lima episod hujan lebat monsun akan berlaku dengan hujan lebat menyeluruh melebihi tiga hari.

"Hujan berepisod ini boleh mengakibatkan banjir dengan hujan lebat pertama dijangka berlaku pada minggu ketiga atau keempat November, namun keadaan itu tidak akan memungkinkan banjir peringkat ekstrem seperti tahun lalu," katanya.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 04 OKTOBER 2015 (AHAD)



JPAM Terengganu Latih 3,000 Anggota Bagi Hadapi Banjir



KUALA NERUS, 4 Okt (Bernama) -- Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Terengganu kini giat melatih kira-kira 3,000 anggota sukarela dan pegawai bagi menghadapi kemungkinan bencana banjir melanda negeri ini.

Pengaruhnya, Leftenan Kolonel Che Adam A Rahman berkata pihaknya sentiasa bersedia dan meletakkan kesemua kekuatan dan aset dalam keadaan bersiap siaga bagi menghadapi bencana alam yang saban tahun melanda beberapa daerah di negeri ini.

Katanya pelbagai latihan sejak awal September lalu telah dilaksana membabitkan anggota sukarela jabatan di semua daerah dan antara latihan yang difokuskan ialah menyelamat di air, pengendalian bot dan pelbagai latihan pertolongan cemas.



Che Adam A. Rahman

"Selain itu, kita turut mendedahkan mereka dengan kursus pengurusan bencana dan peranan di pusat pemindahan bagi melancarkan sistem operasi ketika banjir melanda di sesuatu kawasan dan menjadi kumpulan sokongan kepada agensi yang lain.

"Kita yakin kekuatan ini mampu untuk membantu dan bergerak seiring dengan jabatan yang lain dan kita mampu menggerakkan seramai 100 anggota dalam tempoh empat jam jika bencana itu melanda," katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

Menurut beliau pihak JPAM turut menggalakkan JPAM di setiap daerah melakukan latihan di peringkat daerah masing-masing seperti latihan kemahiran menyelamat dan memindahkan mangsa banjir pelbagai kategori seperti warga emas, obesiti, bayi dan Orang Kurang Upaya (OKU).



1

Selain itu JPAM di setiap daerah juga turut diminta mengemas kini senarai pusat pemindahan di daerah masing-masing selain sentiasa memantau laman sesawang [**Jabatan Meteorologi Malaysia \(JMM\)**](#) bagi mengetahui pasang surut air, kadar taburan hujan dan paras semasa air sungai.

Che Adam berkata sekiranya kejadian banjir besar atau luar biasa berlaku di negeri ini, pihaknya akan mengikuti prosedur standard operasi (SOP) iaitu akan memohon bantuan daripada JPAM negeri dan daerah berdekatan.

Jelasnya pihaknya juga akan sentiasa bekerjasama dengan jabatan yang lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan sebagainya bagi melicinkan operasi membantu dan menyelamat.

"Berdasarkan pengalaman lalu, banjir besar ini sering melanda di kawasan-kawasan pedalaman seperti Hulu Dungun dan Kemaman jadi kita akan minta bantuan daripada daerah terdekat jika kekuatan itu tidak mampu menampung keperluan di kawasan tersebut.

"Kita juga akan meletakkan anggota kita bersama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), pemimpin kampung untuk sama-sama bertindak bagi memberikan bantuan kecemasan dan pertolongan kepada mangsa banjir," katanya.

Sebanyak 30 buah bot, tujuh buah lori tiga tan, 12 ambulans, enam buah kenderaan pelbagai guna akan digerakkan pihak JPAM negeri sekiranya perlu.

Menurut Che Adam ketika ini pihaknya juga sedang menunggu serahan dari Lembaga Tabung Haji yang menyediakan bot beserta enjin bagi digerakkan ketika bencana tersebut.

"Ini pertama kali Lembaga Tabung Haji melibatkan diri dengan menyediakan bot serta enjin bagi membantu mangsa banjir dan kita masih menunggu proses tersebut dan kita amat galakkan inisiatif yang dilakukan ini," katanya.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 04 OKTOBER 2015 (AHAD)



Jbpm Kelantan Siap Sedia Hadapi Banjir Tahun Ini - Azmi

KUALA KRAI, 4 Okt (Bernama) -- Pelbagai langkah dan strategi diatur oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kelantan dalam usaha menghadapi kemungkinan banjir di negeri berkenaan, tahun ini.

Pengarah JBPM Kelantan Azmi Osman berkata persiapan yang dibuat adalah berdasarkan pengalaman menghadapi banjir besar pada tahun lepas.

"Antara strategi diambil adalah kita akan mengerakkan beberapa bot lebih awal ke kawasan berisiko tinggi seperti Gua Musang, Kuala Krai dan Pasir Mas.

"Kita juga menambah beberapa kenderaan di laluan darat seperti tiga buah lori bagi membantu melancarkan operasi menyelamat," katanya ketika ditemui pemberita pada Kursus Pengurusan Bencana Peringkat Komuniti di sini, hari ini.

Kursus bermula hari ini dan berakhir Selasa, melibatkan lebih 100 ketua komuniti di seluruh Jajahan Kuala Krai.

Dalam pada itu, Azmi berkata ketua komuniti juga memainkan peranan penting dalam membantu agensi keselamatan menghadapi bencana banjir.


"Mereka perlu tahu keadaan dan situasi yang dihadapi dan secara tidak langsung ia membantu setiap agensi terutama bomba untuk memberi bantuan dengan lancar dan cepat.

"Selain itu, masyarakat juga harus memberi kerjasama kepada agensi terlibat supaya segala kesulitan yang dihadapi akan dapat diatasi dengan sebaik mungkin," katanya.

Kursus berkenaan turut mendapat kerjasama Pejabat Tanah dan Jajahan Kuala Krai, Majlis Keselamatan Negara, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pengairan dan Saliran serta **Jabatan Meteorologi Malaysia**.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 10
TARIKH : 4 OKTOBER 2015 (AHAD)



Aktiviti sukan, penerbangan terjejas

» IPU tak sihat punca perlawanan Piala Malaysia ditangguh, acara maraton dibatal

Oleh Haika Khazi, Faridzwan Abdul Ghafar, Muahamad Amirul Faiz Ahmad, Norsyazwani Nasri Nurul 'Aniqah Sazale Muahamad Amirul Faiz Ahmad dan Norsyazwani Nasri
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Keadaan jerebu yang semakin teruk di ibu negara, menyebabkan larian Standard Chartered KL Marathon 2015, yang disertai 35,000 peserta dijadual berlangsung hari ini, dibatalkan.

Situasi itu juga menyebabkan final Liga Hoki Wanita Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) dan empat perlawanan peringkat kumpulan bola sepak Piala Malaysia, yang sepatutnya berlangsung petang semalam dan malam tadi, ditangguhkan.

Jerebu mengakibatkan daya tampak menurun kepada 900 meter sekitar Bayan Lepas, menyebabkan beberapa penerbangan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang ke destinasi tempatan serta Indonesia, tertangguh dan ada yang dibatalkan semalam.

Maraton di KL batal
Penganjur Standard Chartered KL Marathon dalam kenyataan petang semalam, berkata jerebu buruk dengan tahap indeks pencemaran udara (IPU) tidak sihat, menyebabkan acara larian itu terpaksa dibatalkan atas faktor kesihatan dan keselamatan.

"Kami menghargai sokongan semua peserta dalam keadaan cuaca mencabar ini. Peserta yang sudah mendaftar dinasihati ke Dataran Merdeka untuk mendapatkan kelengkapan penyertaan mulai jam 6 pagi hingga 12 tengah hari."

"Bagi mereka yang tidak dapat berbuat demikian, langkah alternatif akan diumumkan melalui saluran media sosial Standard Chartered KL.



Penyokong pasukan Pahang melihat notis pembatalan perlawanan antara Pahang dan PDRM di Stadium Shah Alam.

SEREMBAN
◎ IPU 137

KUALA LUMPUR
◎ IPU 116

Keadaan di Kuala Lumpur yang mencatat IPU 176 pada jam 8 malam.

Standard Chartered KL Marathon yang dijadualkan berlangsung di Dataran Merdeka pagi ini dibatalkan.

PULAU PINANG
◎ IPU 99



**KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 11
TARIKH : 4 OKTOBER 2015 (AHAD)**

Marathon," katanya dalam satu kenyataan diri semalam.

Ketua Pegawai Eksekutif MHC, K Logan Raj, berkata final Liga Wanita TNB MHC 2015 di antara Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (STM) dan Pusat Kecemerlengkan Sukan (PKS) Kementerian Pendidikan di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil petang semalam, ditangguh kerana jerebu semakin buruk.

Beliau berkata, penangguhan dibuat berikutan bacaan IPU di Bukit Jalil ialah 179.17 pada jam 11 pagi semalam, melepas bacaan IPU 150 yang ditetapkan Institut Sukan Negara (ISN) dan kementerian bagi sebarang aktiviti sukan di luar. Bacaan IPU malam tadi pula mencecah 213.

Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dalam kenyataan menerusi laman Facebook, mengesahkan empat perlawanan Piala Malaysia peringkat kumpulan yang dijadualkan malam tadi tadi, ditangguhkan akibat masalah sama.

Perlawanan bola ditangguh

Penangguhan membatikan aksi Kumpulan A di antara JDTII dan Terengganu di Stadium Pasir Gudang, Johor; Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bertemu Sarawak (Kumpulan B) di Stadium Tunku Abdul Rahman, Paroi di Negeri Sembilan; aksi Kumpulan D di antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan Pahang di Stadium Shah Alam, Selangor serta Kumpulan C di antara PKNS FC dengan Pulau Pinang di Stadium Majlis Perbandaran Selangor.

Bagaimanapun, FAM berkata, aksi di antara TTeam menentang FELDA United di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah, Kuala Terengganu, diteruskan mengikut jadual pada jam 8.45 malam.

Dalam kenyataan itu, Jawatankuasa Pertandingan Tempatan (JPT) FAM berkata tarikh baharu bagi empat perlawanan itu akan ditetapkan secepat mungkin.

Komisioner perlawanan memutuskan penundaan selepas mengambil kira bacaan IPU melebihi 150 serta faktor jerebu boleh memudarakan.

Sementara itu, Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar, berkata kementeriannya tidak meno-

lak kemungkinan sambutan Hari Sukan Negara 2015 yang dijadualkan 10 Oktober ini, dibatalkan jika IPU mencatat paras tidak sihat, IPU melebihi 150.

Akibat ribut tropika Mujigae

Sementara itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Madius Tangau, berkata ribut tropika Mujigae di perairan Filipina sejak Khamis lalu, menyebabkan Malaysia menerima tiupan angin barat daya yang membawa jerebu kembali melanda di pantai barat Semenanjung.

Beliau berkata, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mulanya menjangkakan jerebu teruk yang melanda negara sejak pertengahan bulan lalu, akan berakhir awal bulan ini berikutan bermulanya fasa peralihan monsun.

"Namun Mujigae terbentuk sejak Khamis lalu di perairan Filipina, mencetuskan tiupan angin barat daya yang konsisten, menyebabkan jerebu rentas sempadan kembali melanda negara. Ia dijangka berkurangan mulai Selasa hingga Jumaat ini, berikutnya perubahan arah tiupan angin."

"Namun, 10 Oktober ini, negara dijangka mengalami jerebu semula berikutan satu lagi ribut tropika diramalkan terbentuk di timur Filipina dan jika kebakaran di Sumatera dan Kalimantan masih belum dipadam," katanya.

© 200 IPU

bacaan tidak sihat (untuk sekolah ditutup)

Tindakan tegas syarikat tempatan terbabit pembakaran hutan

Petra Jaya: Syarikat Malaysia yang terbabit melakukan pembakaran hutan di Indonesia sehingga menyebabkan jerebu pada masa depan, akan berpendak tindakan di negara ini, menerusi undang-undang rentas sempadan yang sedang dirangka Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata undang-undang rentas sempadan itu penting bagi memastikan syarikat Malaysia di luar negara tidak sewenang-wenangnya menjalankan perniagaan tanpa mengambil kira kesan alam sekitar.

"Undang-undang rentas sempadan seperti diiktuai kuasaan Singapura belum ada di negara ini. Walau pun baharu menerajui kementerian ini, saya mahu undang-undang ini dilaksana bagi membolehkan syarikat Malaysia yang mengakibatkan jerebu hanya Singapura sahaja yang menggunakan bacaan parameter PM2.5 sejak 2014 selepas mengambil kira keluasan ia selaku negara bandar, berbanding keluasan negara ini yang lebih besar dan hanya akan menggunakan bacaan itu menjelang 2017."

"Walaupun Singapura mengklasifikasikan bacaan IPU 200 hingga 300 sebagai tidak sihat dan merbahaya serta menggariskan penutupan sekolah, Malaysia lebih awal memaklumkan kepada rakyat kualiti udara sudah semakin tidak sihat sebelum mencecah bacaan IPU 200. Malah, ada sekolah ditutup apabila bacaan IPU 150," katanya.

Persiapan cukup hadapi jerebu

Sementara itu, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Hilmi Yahya, berkata kerajaan membuat persiapan mencukupi bagi menghadapi sebarang peningkatan kes penyakit akibat jerebu, yang dijangka berterusan dalam tempoh sebulan lagi.

"Tidak perlu bimbang. Setakat ini juga tidak ada peningkatan membangunkan penyakit berkaitan jerebu daripada pemantauan yang kita lakukan di hospital dan klinik seluruh negara," katanya.

Kelmanir, Ketua Agensi Pengurusan Bencana Negara (BPNP) Indonesia, Willem Rampangile dilaporkan sebagai berkata jerebu daripada kebakaran ladang dan hutan di Indonesia, dijangka berakhir dalam tempoh sebulan lagi apabila negara itu mula mengalami hujan.

Rampangile dilaporkan berkata, perilaku cuaca itu, sekali gus membantu memadamkan api dalam tanah gambut dan menghilangkan jerebu yang turut melanda Malaysia dan Singapura sejak dua bulan lalu.

© 900 METER

kadar daya tampak di Bayan Lepas

PUTRAJAYA

© IPU 123

“ Kami menghargai sokongan semua peserta dalam keadaan cuaca mencabar ini. Peserta yang sudah mendaftar dinasihatkan ke Dataran Merdeka untuk mendapatkan kelengkapan penyertaan mulai jam 6 pagi hingga 12 tengah hari”

Penganjur Standard Chartered KL Marathon



KERATAN AKHBAR
METRO AHAD (SETEMPAT) : MUKA SURAT 08
TARIKH:04 OKTOBER 2015 (AHAD)

Sasar lahir 72 saintis kimia bagi 10,000 tenaga kerja

Jasin: Negara menasarkan bagi melahirkan 72 saintis dalam bidang kimia bagi setiap 10,000 tenaga kerja dalam tempoh lima tahun akan datang.

Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Md Diah berkata, bagi mencapai sasaran itu, pihaknya menjalinkan kerjasama dengan pelbagai pihak, termasuk Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi bagi membantu mencapai matlamat negara itu.

"Setakat ini, kita baru mencapai 69.7 peratus daripada jumlah ditetapkan dan menjangkakan dalam tempoh dua tahun, mampu merealisasikan impian itu.

"Kita juga mempelbagaikan aktiviti mendekati masyarakat khususnya pelajar bagi menanam minat menceburii bidang kimia, sekali gus membantu negara mencapai matlamat dan sasaran," katanya selepas merasmikan Program Kimia Ke Desa di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Iskandar Shah, Jasin, semalam.

Turut hadir, Ketua Pengarah Kimia Malaysia Ismail Talib, Pengarah Jabatan Kimia Malaysia Cawangan Melaka Dr S Silverraji dan Guru Penolong Kanan Pentadbiran SMK Iskandar Shah Hamidah Jasmani.

Abu Bakar berkata, ketika ini, bidang kimia penting memandangkan orang ramai mula peka dengan apa yang mereka makan dan lakukan dalam kehidupan seharian.

"Menerusi Program Kimia Ke Desa yang dilaksanakan sejak Mei 2013 ini, dianggarkan lebih 30,000 individu kita temui dan dekati bagi memupuk minat dalam bidang sains, teknologi dan inovasi khususnya sains kimia dalam kalangan masyarakat desa terutama golongan belia dan pelajar.

"Kita cuba menarik minat mereka dengan memberi pendedahan tentang peranan dan fungsi Jabatan Kimia Malaysia dalam penguatkuasaan undang-undang dan kesejahteraan rakyat," katanya.

KERATAN AKHBAR
METRO AHAD (SETEMPAT) : MUKA SURAT 14
TARIKH : 4 OKTOBER 2015 (AHAD)

MALAYSIA AMBIL PENDEKATAN BERBEZA

■ Tidak ikut jejak Singapura saman Indonesia berikutan masalah jerebu

Oleh Norsyazwani Nasri
am@hrmetro.com.my
Kuching

Malaysia tidak akan mengikut langkah Singapura yang dilaporkan mengambil tindakan perundangan terhadap Indonesia berikutan masalah jerebu rentas sempadan yang berlaku sejak lebih 20 tahun lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Nancy Shukri berkata, setakat ini kerajaan belum ada perancangan untuk mengambil tindakan perundangan terhadap Indonesia.

"Banyak perkara yang perlu kita ambil kira sekeranya mahu mengambil tindakan yang sama seperti Singapura."

Pendekatan kita (Malaysia) berbeza dalam menangani masalah jerebu. Kita mahu meng-

dakan perbincangan dengan Indonesia bagi menangan isu ini secara bersama," katanya ketika menghadiri Hari Kualiti Sekolah Menengah Teknik Sejinkat Ta-hun 2015 di sini, semalam.

Singapura akan mengambil tindakan undang-undang yang boleh membawa kepada hukuman denda berat terhadap syarikat perladangan Indonesia yang bertanggungjawab membakar ladang dan hutan sehingga menyebabkan tahap kualiti udara tidak sihat di Kota Singa itu.

Difahamkan, Singapura bakal memberikan notis perundangan terhadap lima syarikat Indonesia termasuk syarikat multinasional negara itu, Asia Pulp and Paper

(APP).

Sementara itu, Jabatan Meteorologi Malaysia memaklumkan situasi jerebu tidak banyak berubah dan dijangka berlanjut sehingga pertengahan Oktober ini berikutan dipengaruhi cuaca kering akibat fenomena El Nino dan pembentukan aktif Taufan Tropika di Filipina.

Walaupun jabatan itu meramalkan keadaan jerebu semakin pulih selepas Taufan Djujan lenyap di timur China Selasa lalu, namun perubahan angin berlaku di Laut China Selatan yang sepatutnya ke Indonesia berpatah balik ke pusat Taufan Tropika mengakibatkan Malaysia terus mengalami jerebu sehingga kini.

FAKTA
Tindakan undang-undang diambil Singapura boleh bawa hukuman berat kepada syarikat perladangan Indonesia

FOTO: MOHD FAZLI HAMZAH, MUHD ZAIBA ZAHERA, ASYRAF HAMZAH, MOHD ASRI SAIFUDIN MAMAT DAN RAMZAN MASAM

BACAAN IPU DI BEBERAPA TEMPAT SEMALAM

LOKASI	6 PAGI	12 TGH HARI	6 PETANG
Pasir Gudang	107	110	114
Larkin Lama	95	104	112
Muar	83	103	116
Bandaraya Melaka	122	141	153
Bukit Rambai	119	139	152
Nilai	134	157	169
Port Dickson	106	126	136
Seremban	130	155	170
Banting	108	130	145
Kuala Selangor	83	102	112
Pelabuhan Klang	128	146	159
Petaling Jaya	108	134	153
Shah Alam	120	146	166
Batu Muda KL	117	140	165
Cheras	96	117	132
Putrajaya	113	134	151
Bakar Arang, Sungai Petani	79	91	104
Balok Baru, Kuantan	77	96	106
SK Jln Pegoh, Ipoh	75	86	107
Seri Manjung	85	94	103
Seberang Jaya 2	81	97	109
USM	77	99	112
Kemaman	75	99	101

0-50 | 51-100 | 101-200 | 201-300 | >301
BAIK | SEDERHANA | TIDAK SIHAT | SANGAT TIDAK SIHAT | BAHAYA

Source: Laporan analisis meteorologi Meteorological Service



KERATAN AKHBAR
METRO AHAD (SETEMPAT) : MUKA SURAT 15
TARIKH : 4 OKTOBER 2015 (AHAD)



Ribut tropika ubah tiupan arah angin

Kuala Lumpur: Ruang udara seluruh negara masih dipengaruhi fenomena jerebu merentas sempadan yang dibawa dari Sumatera dan Kalimantan, Indonesia hingga menyebabkan jumlah kawasan seluruh negara yang berada pada tahap tidak sihat meningkat berbanding hanya tiga kelmarin.

Setakat jam 4 petang semalam, menurut Jabatan Alam Sekitar (JAS) sebanyak 20 kawasan merekodkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat membelilitkan sekitar Lembah Klang, Melaka, Johor, Negeri Sembilan, Pa-

hang, Perak serta Pulau Pinang.

Menyatakan demikian Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar dalam kenyataannya berkata, berdasarkan laporan dikeluarkan ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC), sebanyak 321 titik panas di Kalimantan manakala enam lagi dikesan di Sumatera.

"Menerusi peta jerebu serantau yang dikeluarkan oleh ASMC, menunjukkan asap jerebu tebal dan seberhana dari kawasan kebakaran di Kalimantan Barat dan Tengah serta Su-

matera Selatan bercantum membentuk lingkaran asap jerebu berhampiran kawasan selatan Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan Barat Sarawak.

"Tinjauan cuaca mendapat, sistem bertekanan rendah yang terbentuk di Timur Filipina telah dinaliktarafkan kepada ribut tropika (Mujigae) dan dijangka melemah di kepulauan Hainan, China pada awal pagi Isnin ini (esok).

"Kehadiran ribut tropika ini akan mempengaruhi corak tiupan angin di kawasan serantau negara kita untuk beberapa hari dalam tem-

poh tinjauan manakala taburan hujan juga dijangka berkurangan kerana kawasan serantau negara kita akan dipengaruhi oleh tiupan angin dari arah Barat Daya dengan kelajuan sederhana saja pada masa itu," katanya.

Beliau berkata, selepas ribut tropika Mujigae membaloi kawasan daratan, kawasan serantau negara kita dijangka kembali lembap dengan hujan dijangka berlaku di negeri Pantai Barat Semenanjung dan bahagian Barat Sarawak serta bahagian Pantai Barat di Sabah.

"Bagaimanapun, taburan hujan yang diterima dalam tempoh di atas tidak boleh menghilangkan keadaan berjerebu yang dialami sekarang sekiranya punca kebakaran terbuka yang berlaku di Sumatera dan Kalimantan tidak dipadamkan sepenuhnya," katanya.

Sementara itu, beberapa acara sukan yang dijadualkan termasuk empat perlawanan bola sepak Piala Malaysia malam tadi serta acara Standard Chartered KL Marathon yang dijadualkan hari ini turut dibatalkan berikutan jerebu yang semakin serius.

PEMANDANGAN Kuala Lumpur 'ditelan' jerebu dengan bacaan IPU 16 pada paras tidak sihat.

**KERATAN AKHBAR
METRO AHAD (SETEMPAT) : MUKA SURAT 15
TARIKH : 4 OKTOBER 2015 (AHAD)**

Kuala Lumpur

**Ketampakan
kurang 5km
di sembilan negeri**

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengeluarkan amaran ketampakan rendah kurang daripada lima kilometer (km) akibat jerebu di sembilan negeri.

Menurut kenyataan MetMalaysia semalam, negeri terbabit di sekitar perairan Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang dan Sarawak.

"Keadaan itu berbahaya kepada kapal yang tidak mempunyai navigasi pelayaran," tambah kenyataan itu.

Jabatan Meteorologi juga mengeluarkan amaran ribut petir yang berlaku di perairan Sarawak iaitu di Kuching, Rejang, Mukah, Miri dan Bintulu yang dijangka berterusan sehingga pagi semalam.

Keadaan ini boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kmsj dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dan berbahaya kepada bot kecil. — BERNAMA